



**ANUGERAH
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

ANUGERAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

ASAS ANUGERAH

UMT sebagai universiti komprehensif berfokus memberi penekanan dan komitmen yang tinggi kepada penyampaian, pemindahan dan perkongsian ilmu kepada pihak berkepentingan utama iaitu pelajar. Pendidikan dan latihan adalah peranan utama ahli akademik dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar melalui pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Aktiviti P&P perlu dijalankan secara berkualiti, berintegriti dan berinovatif serta berupaya mewujudkan budaya pembelajaran sendiri dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sejajar dengan komitmen yang tinggi kepada budaya kecemerlangan, UMT perlu mendorong, mengenal pasti dan seterusnya mengiktiraf secara rasmi ahli akademik yang komited dan cemerlang dalam P&P. Fokus UMT adalah kepada proses P&P secara interaktif, inovatif dan berkesan serta kepentingan mengaplikasikan hasil penyelidikan dalam P&P bagi meningkat dan memantapkan bidang ilmu dan pengalaman pembelajaran pelajar. Untuk menjadi universiti berfokus terpilih, ahli akademik UMT perlu meningkatkan kualiti pengajaran dalam persekitaran penyelidikan yang intensif dan menjadi pemimpin pengajaran yang diteladani.

Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada ahli akademik UMT yang berusaha untuk menjadi pengajar yang kompeten dan efektif dalam aspek penyampaian dan perkongsian ilmu kepada pelajar. Pengajaran yang cemerlang dalam konteks ini didefinisikan sebagai keberkesanan menyampaikan ilmu pada tahap tertinggi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kreatif dan inovatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar. Anugerah ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

1. Kategori Pensyarah Senior (APPS)
2. Kategori Pensyarah Muda (APPM)

SYARAT PERMOHONAN

1. Kategori Pensyarah Senior (APPS)

- i. Calon adalah ahli akademik UMT;
- ii. Telah berkhidmat **lebih daripada 10 tahun** pada 31 Disember bagi tahun penilaian. Tempoh ini termasuk tempoh berkhidmat di institusi pendidikan lain namun tidak termasuk tempoh cuti belajar/cuti sabatikal/cuti pasca kedoktoran/cuti penyelidikan/cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji.

2. Kategori Pensyarah Muda (APPM)

- i. Calon adalah ahli akademik UMT;
- ii. Telah berkhidmat **kurang daripada 10 tahun** pada 31 Disember bagi tahun penilaian. Tempoh ini termasuk tempoh berkhidmat di institusi pendidikan lain namun tidak termasuk tempoh cuti belajar/cuti sabatikal/cuti pasca kedoktoran/cuti penyelidikan/cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji.

KELOMPOK ANUGERAH

Terdapat 4 kelompok anugerah dan contoh bidang adalah seperti berikut:

<i>Kelompok</i>	<i>Contoh Bidang</i>
<i>Sains Tulen</i>	Biologi Fizik Kimia Matematik
<i>Sains Gunaan</i>	Ilmu Kelautan Sumber Akuatik Sains Marin Sains Nautika Sains Industri Sains Komputer / Teknologi Maklumat Teknologi Industri
<i>Sains Sosial</i>	Antropologi Bahasa dan Linguistik Ekonomi Falsafah Kesusasteraan Pengajian Etnik Pengajian Islam Psikologi Sains Politik Sejarah Sosiologi Komunikasi Pengurusan Perakaunan Perniagaan Perundangan Seni
<i>Kejuruteraan</i>	Kejuruteraan Kelautan Teknologi Maritim Kejuruteraan Awam Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kejuruteraan Kimia Kejuruteraan Mekanik

Pemilihan kelompok bidang adalah berasaskan bidang pengajaran/penyelidikan.

TATACARA ANUGERAH

1. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperoleh melalui Mynemo/Sokongan/e-Borang/Pejabat Pendaftar. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti yang disahkan.
2. Permohonan/pencalonan perlu melalui sokongan ketua PTJ.
3. Ahli akademik juga boleh mencalonkan diri sendiri untuk anugerah ini.
4. Calon boleh memohon setiap tahun tetapi calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali dalam tempoh 10 tahun.
5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan portfolio pengajaran dan butir jaya diri (CV) terkini dan lengkap.

KRITERIA PENILAIAN

Penilaian bagi anugerah ini adalah berdasarkan kriteria berikut:

1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran.
2. Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.
3. Kreativiti* dan inovasi** serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran.
4. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan.
5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional.
6. Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian.

* Kreativiti ialah penjaan idea atau teknik atau strategi baru dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian. Kreativiti diukur berdasarkan kebaruan idea dan penggunaan unsur-unsur terbaharu (seperti teknologi /ICT/strategi pengajaran terkini) dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian. (*Sumber: Syarat dan Peraturan Anugerah Pengajaran – AAN*)

** Inovasi ialah usaha menambah nilai pengajaran dan pembelajaran serta penilaian bagi kursus-kursus yang diajar. Kejayaan inovasi diukur berdasarkan impaknya terhadap meningkatkan motivasi dan kualiti pembelajaran pelajar. (*Sumber: Syarat dan Peraturan Anugerah Pengajaran – AAN*)

PROSEDUR PENILAIAN

Penilaian dijalankan secara berperingkat seperti berikut:

- Peringkat 1 – Penilaian portfolio
- Peringkat 2 – Penilaian Cerapan/Simulasi Pengajaran
- Peringkat 3 – Temu duga

➤ **Peringkat 1: Penilaian Portfolio**

Portfolio **wajib** mengandungi enam (6) perkara berikut:

1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran yang menggambarkan kesarjanaan calon

- (a) Pernyataan falsafah yang jelas dengan kepercayaan dan nilai
- (b) Pernyataan teori/model yang mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran

2. Pernyataan strategi perancangan dan pelaksanaan keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian

Perincikan dan jelaskan strategi perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan terhadap perkara berikut:

- (a) Pengajaran/penyeliaan
- (b) Penilaian

Sertakan bahan bukti/maklumat yang berkaitan dengan pernyataan strategi di atas, contoh:

- i. Senarai kursus
- ii. Rangka kursus dan bilangan pelajar
- iii. Bilangan pelajar diselia mengikut peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD

3. Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran (kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian)

- (a) Pernyataan kreativiti dan inovasi yang sejajar dan menyokong:
 - i. Falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian
 - ii. Kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian
- (b) Terangkan kreativiti dalam inovasi yang dilaksanakan
 - i. Ciri inovasi
 - Asli
 - Signifikan
 - Relevan
 - ii. Kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
 - iii. Kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran.
- (c) Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada:
 - i. Peningkatan pencapaian pelajar
 - ii. Kualiti hasil kerja pelajar

Sertakan bukti bagi menyokong bahagian yang berkenaan.

4. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan

- (a) Sertakan bukti hasil penilaian pengajaran/penyeliaan oleh pelajar
- (b) Sertakan testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber merangkumi:
 - i. Pelajar
 - ii. Rakan Sejawat
 - iii. Jabatan/PTJ
 - iv. Komuniti/Industri

5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional

- (a) Penambahbaikan kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian melalui amalan reflektif yang merangkumi:
 - i. Dokumentasi refleksi
 - ii. Analisis/sintesis untuk penambahbaikan
 - iii. Tindakan dan perkongsian
- (b) Pembangunan profesional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian.

6. Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian

- (a) Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat (universiti/kebangsaan/antarabangsa) melalui mana-mana yang berikut:
 - i. Media sosial (termasuk YouTube, blog, Facebook dll)
 - ii. Bengkel/seminar/persidangan
 - iii. Komuniti pembelajaran (*Special Interest Group*)
 - iv. Modul pembelajaran/ buku teks
 - v. Penerbitan berwasit/berindeks
 - vi. Penerbitan digital (contoh e-buku,e-jurnal)
- (b) Pengiktirafan (anugerah/jemputan ucap utama/seminar/ penceramah jemputan/jurulatih utama/mentor) yang diperolehi.
- (c) Kepimpinan (pengerusi/jawatankuasa) dalam komuniti akademik (fakulti/universiti/persatuan akademik kebangsaan/antarabangsa) yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

NOTA: Kandungan portfolio hendaklah disusun mengikut urutan di atas. Portfolio calon yang mencapai **titik ambang 70 markah** akan maju ke peringkat 2.

➤ **Peringkat 2: Penilaian Cerapan/ Simulasi Pengajaran**

Penilaian cerapan/simulasi pengajaran akan dijalankan bagi calon yang telah disenarai pendek di peringkat 1. Kaedah penilaian peringkat 2 terbahagi kepada dua (2) kaedah iaitu secara cerapan atau simulasi pengajaran tertakluk kepada kesesuaian semasa.

1. Cerapan Pengajaran

Cerapan pengajaran dilakukan oleh panel penilai yang dilantik oleh universiti yang akan meninjau dan menilai prestasi pengajaran calon di dalam kelas. Penilaian akan dibuat pada bila-bila masa tanpa memaklumkan kepada calon. Masa cerapan bergantung kepada tempoh pengajaran berlangsung diikuti dengan sesi temu duga. Perkara yang dinilai dalam cerapan pengajaran:

- 1.1 Keberkesanan komunikasi
- 1.2 Kejelasan penyampaian
- 1.3 Keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar
- 1.4 Keupayaan meyakini dan memotivasikan pelajar
- 1.5 Keupayaan melibatkan pelajar secara aktif dan berkesan
- 1.6 Keupayaan menilai pemahaman pelajar

2. Simulasi Pengajaran

Simulasi pengajaran dilakukan oleh panel penilai yang dilantik oleh universiti. Calon diminta untuk memilih satu subjek yang sama sepertimana yang dibincangkan dalam portfolio pengajaran. Calon perlu mengajar secara "mock teaching" dan akan dinilai oleh panel. Masa yang diperuntukkan bagi simulasi pengajaran adalah 15 minit dan diikuti dengan sesi temu duga. Perkara yang dinilai dalam simulasi pengajaran:

- 2.1 Keberkesanan komunikasi
- 2.2 Kejelasan penyampaian
- 2.3 Keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar
- 2.4 Keupayaan meyakini dan memotivasikan 'pelajar'
- 2.5 Keupayaan melibatkan 'pelajar' secara aktif dan berkesan
- 2.6 Keupayaan menilai pemahaman 'pelajar'

➤ **Peringkat 3 : Temu duga**

Temu duga akan dijalankan bagi calon yang telah disenarai pendek di peringkat 1. Sesi ini boleh berlaku serentak dalam sesi cerapan atau simulasi pengajaran. Temu duga akan merangkumi perkara berikut:

- 1.1 Falsafah pengajaran dan pembelajaran
- 1.2 Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran
- 1.3 Penambahbaikan pengajaran pembelajaran
- 1.4 Kesarjanaan dalam pengajaran dan pembelajaran
- 1.5 Refleksi sendiri terhadap simulasi pengajaran

KEPUTUSAN PENILAIAN

Hanya calon yang mencapai titik ambang **80 markah** dan markah tertinggi di peringkat 2 dan 3 bagi setiap kelompok akan diperakukan untuk dipertimbangkan sebagai penerima Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran.

Markah keseluruhan calon di peringkat 2 & 3 akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bakat Universiti (JKPBU) untuk diperakukan sebagai pemenang anugerah.

PENUTUP

Calon yang melepasi titik ambang cerapan/simulasi tetapi tidak terpilih sebagai pemenang boleh terus dicalonkan ke peringkat penilaian cerapan/simulasi pengajaran pada tahun berikutnya.

Penerima anugerah ini akan dicalonkan untuk Anugerah Akademik Negara (AAN) bagi kategori Anugerah Pengajaran dan anugerah lain yang berkaitan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftaran,
Universiti Malaysia Terengganu
No. Tel : 09-668 4481/4342

 UMT	SENARAI SEMAK DAN PENGESAHAN PENCALONAN ANUGERAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MUDA (APPM)
---	---

Bil	Syarat/Perkara/Dokumen	Sila tanda (√)
1	Ahli akademik UMT sepenuh masa dan telah disahkan dalam jawatan.	
2	Warganegara Malaysia.	
3	Telah mengajar kurang daripada 10 tahun dalam kerjaya akademik di UA/US termasuk tempoh berkhidmat di UMT.	
4	Borang Pencalonan dan ditandatangani pemohon dan Ketua PTJ.	
5	Portfolio pengajaran yang mengandungi perkara berikut: 1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran. 2. Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian. 3. Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran. 4. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan. 5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional. 6. Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian. <i>* Sila letakkan pemisah (tagging) bagi setiap bahagian.</i>	
7.	Butir jaya diri (CV) calon terkini dan lengkap.	

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah **benar** dan telah disemak serta disaring di peringkat PTJ.

Disahkan oleh;

.....
(Ketua PTJ/Timbalan)
Cap Rasmi

Tarikh : _____



**SENARAI SEMAK DAN PENGESAHAN PENCALONAN
ANUGERAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SENIOR
(APPS)**

Bil	Syarat/Perkara/Dokumen	Sila tanda (✓)
1	Ahli akademik UMT sepenuh masa dan telah disahkan dalam jawatan.	
2	Warganegara Malaysia.	
3	Telah mengajar lebih daripada 10 tahun dalam kerjaya akademik di UA/US termasuk tempoh berkhidmat di UMT.	
4	Borang Pencalonan dan ditandatangani pemohon dan Ketua PTJ.	
5	Portfolio pengajaran yang mengandungi perkara berikut: 1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran. 2. Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian. 3. Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran. 4. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan. 5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional. 6. Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian. <i>* Sila letakkan pemisah (tagging) bagi setiap bahagian.</i>	
7.	Butir jaya diri (CV) calon terkini dan lengkap.	

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah **benar** dan telah disemak serta disaring di peringkat PTJ.

Disahkan oleh;

.....
(Ketua PTJ/Timbalan)
Cap Rasmi

Tarikh : _____



BORANG PENCALONAN ANUGERAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

BAHAGIAN A : MAKLUMAT CALON

Nama :

No. Kad Pengenalan : Gred Jawatan :

Kelayakan
(Akademik dan/atau Profesional) :

Status : ☐ Tetap ☐ Kontrak

Tempoh Mengajar
dalam kerjaya Akademik :

No. Tel. Pejabat : No. Tel. Bimbit :

Kelompok : ☐ Sains Tulen
☐ Sains Gunaan
☐ Sains Sosial
☐ Kejuruteraan

Kategori : ☐ Anugerah Pengajaran & Pembelajaran Senior (APPS)
☐ Anugerah Pengajaran & Pembelajaran Muda (APPM)

Bidang Kepakaran :

Sub Bidang :

Pencapaian Prestasi
3 Tahun terkini :

Tahun	Skala Pencapaian

** Tempoh berkhidmat dalam kerjaya akademik di UA/US termasuk UMT*

BAHAGIAN B : ASPEK HASIL KERJA DAN SUMBANGAN

(Bahagian ini hendaklah diisi oleh calon dan disahkan oleh Pengerusi Program/Ketua Jabatan. Sila kemukakan lampiran jika perlu)

1. Beban Pengajaran

Tugas	Kod Kursus	Jam Per Semester	Jumlah Pelajar
1. Kuliah			
2. Tutoran / Seminar			
3. Kerja Lapangan			
4. Kerja Bimbingan			
5. Kerja Makmal/ Bengkel			
6. Lain-lain (sila nyatakan) Contoh : Inovasi dalam pengajaran			

2. Beban Penyeliaan / Pembimbingan

Tugas	Kod Kursus	Jam Per Semester	Jumlah Pelajar
1. Kelas persediaan / tambahan / bimbingan			
2. Latihan Ilmiah / Industri / Kertas Projek			
3. Diploma / Praktikum / Latihan / Projek			
4. Tesis Sarjana			
5. Tesis Kedoktoran			
6. Lain-lain (sila nyatakan)			

Semester I jam / seminggu

Semester II jam / seminggu

3. Kegiatan dalam Hal Ehwal Pelajar

(Terlibat dalam aktiviti pelajar termasuk kebajikan, sukan, persatuan, sesi kaunseling, program pembinaan sahsiah pelajar dan sebagainya)

Jawatan (jika ada) Persatuan Pelajar, Kolej	1. 2.
Program / Peristiwa Peranan, Penganjur, tempat, tarikh	1. 2. 3. 4. 5. 6.

Tandatangan Calon : _____ Tarikh : _____

Pengesahan Bahagian B oleh Pusat Pengajian/Institusi:

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Cap Pengerusi Program/Ketua Jabatan :

ULASAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

--

Tandatangan : _____

Tarikh : _____